



BULETIN KUIM

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA, 55100 KUALA LUMPUR



[EDARAN BALAMAN SAMAJA]

BIL. 03/02

15 JULAI 2002

[http:// www.kuim.edu.my](http://www.kuim.edu.my)

KANDUNGAN

- Pameran Perpustakaan Digital dan Pertandingan Teka Silangkata Siri 1
- Penyertaan KUIM ke Pertandingan Mencari harta Karun di ULAM
- Perlawanan Persahabatan Bolasepak Antara Pegawai dan Kakitangan Sokongan
- Pelajar KUIM Mengalahkan Pasukan Kelab
- Bengkel Pengurusan Masa dan Pembelajaran Efektif
- KUIM Telah Mencipta Rekod
- Penyertaan KUIM Ke Program Young Women Convention 2002
- Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam Mengadakan Wacana Dakwah dan Pengurusan Islam III
- Bengkel Penulisan Laporan Penyelidikan 2002
- Mesyuarat

KUIM MENCIPTA REKOD



Pelajar KUIM bersedia untuk merentang tulisan khat.



Wakil dari The Malaysian Book Of Records sedang mengukur panjang tulisan khat.

6 Julai 2002, Sabtu – KUIM telah berjaya mencipta satu rekod Malaysia dengan telah membuat Tulisan Khat Terpanjang di Malaysia sepanjang 276 meter dan telah dicatatkan di dalam The Malaysian Book Of Records. Projek Gema Warisan Tulisan Khat Terpanjang tersebut adalah merupakan aktiviti yang terbesar dan yang julung kalinya dianjurkan Jawatankuasa Kebajikan Siswa/i Asrama (JAKSA). Majlis Perasmian projek dan pengesahan tulisan khat terpanjang tersebut telah diadakan di Sek. Keb. Taman Muda, Ampang dan dirasmikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor selaku Pengerusi Lembaga Pengarah KUIM. Tulisan khat tersebut telah dibuat dalam penulisan Surah Yassin berbentuk khas Thulus di atas kain kanvas yang telah melibatkan lebih kurang 20 orang mahasiswa/siswi KUIM.

PAMERAN PERPUSTAKAAN DIGITAL DAN PERTANDINGAN TEKA SILANGKATA SIRI 1

Perpustakaan KUIM sedang mengadakan Pameran Perpustakaan Digital, bertempat di Ruang Legar Perpustakaan. Pameran yang berlangsung selama sebulan ini diadakan bersempena dengan Sambutan Bulan Membaca Julai 2002 yang bertemakan baca@gayahidup. Antara bahan-bahan yang dipamerkan adalah Kamus Telapak Elektronik Besta; cakera padat yang mengandungi bahan Turath dalam

- *Lihat muka 2*

Untuk edaran
Jam
16/7/2002

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

bahasa Arab, kamus dan ensiklopedia; dan juga maklumat-maklumat berkenaan pengkalan-pengkalan data atas talian PROquest dan Ebscohost. Manakala satu Pertandingan Teka Silangkata siri 1 telah dilancarkan pada 2 Julai 2002 dan akan berlangsung sehingga 8 Julai 2002. Pertandingan yang diadakan terdiri daripada 3 siri yang dilangsungkan secara berperingkat iaitu siri 2 pada 9 hingga 15 Julai 2002 dan siri 3 pada 23 hingga 29 Julai. Pertandingan tersebut menawarkan hadiah-hadiah menarik untuk dimenangi. Untuk makluman lanjut, boleh merujuk pada poster-poster yang ditampal di papan kenyataan atau boleh menghubungi di talian 42892115 atau 2154.

PENYERTAAN KUIM KE PERTANDINGAN MENCARI HARTA KARUN DI UIAM

Fakulti Syariah dan Kehakiman dengan kerjasama Unit Sukan dan Rekreasi telah menyertai *Law Treasure Hunt* di UIAM pada 3 – 4 Julai 2002 dengan menghantar 10 orang pelajar untuk menyertai program tersebut. Pelajar-pelajar yang dihantar terdiri daripada 2 pelajar dari tahun 3 dan 8 orang pelajar dari tahun 2. Tujuan menyertai program tersebut adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar untuk bekerjasama dan bersemangat bekerja di dalam satu pasukan. Semoga dengan penyertaan ini segala ilmu yang didapati dapat digunakan dan dipraktikkan di KUIM.

PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLASEPAK ANTARA PEGAWAI DAN KAKITANGAN SOKONGAN

1 Julai 2002, Isnin – Satu perlawanan persahabatan bola sepak antara pegawai dan kakitangan sokongan telah diadakan pada hari tersebut bertempat padang Sek. Ke. Taman Muda. Perlawanan tersebut telah dianjurkan oleh Kelab Sukan kakitangan dengan kerjasama Unit Sukan dan Rekreasi. Pada perlawanan tersebut pasukan pegawai telah menewaskan pasukan kakitangan sokongan dengan jaringan 4 berbalas 2.

PELAJAR KUIM MENGALAHKAN PASUKAN KELAB

3 Julai 2002, Rabu – Satu perlawanan persahabatan bola sepak antara pelajar KUIM dan Kelab Bola Sepak Duta pasukan yang bermain dalam Liga Kuala Lumpur telah diadakan di padang Sek. Keb. Taman Muda dan perlawanan tersebut telah dimenangi oleh pelajar KUIM dengan jaringan 1-0.

BENGGEL PENGURUSAN MASA DAN PEMBELAJARAN EFEKTIF

Unit Kaunseling telah menganjurkan satu bengkel iaitu Bengkel Pengurusan Masa dan Pembelajaran Efektif pada 4 hingga 6 Julai 2002 yang diadakan di Bilik Mesyuarat Pengurusan Asrama dari jam 9 hingga 11 malam. Bengkel ini telah dikendalikan oleh pelajar Persatuan Pembimbing Rakan Universiti (PRU). Pada bengkel tersebut setiap satu slot bengkel telah dihadiri seramai 15 orang pelajar dengan diseliakan oleh 3 orang ahli PRU. Bengkel tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakan daripada para pelajar.

PENYERTAAN KUIM KE PROGRAM *YOUNG WOMEN* CONVENTION 2002

Seramai 40 orang pelajar telah mewakili KUIM ke Program Young Women Convention 2002 yang telah diadakan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada 6 hingga 7 Julai 2002.

FAKULTI DAKWAH DAN PENGURUSAN ISLAM MENGADAKAN WACANA DAKWAH DAN PENGURUSAN ISLAM III

13 Julai 2002 , Sabtu – Satu Wacana Dakwah dan Pengurusan Islam kali ke – 3 anjuran Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam telah diadakan di Dewan Kuliah 1, Tingkat 9, Menara B MPAJ dengan dirasmikan oleh Dekan fakulti tersebut Prof. Dr. Mohamed Asin Dollah. Tujuan diadakan wacana tersebut adalah untuk melahirkan mahasiswa yang berkualiti dan berkemampuan dalam mencari penyelesaian terhadap masalah dan tribulasi umat Islam masa kini. Pembentang kertas kerja pada wacana tersebut adalah Prof. Dr. Mohamed Asin Dollah dan Dr. Muhammad Yusuf Khalid.

BENGKEL PENULISAN LAPORAN PENYELIDIKAN 2002

Jawatankuasa Penyelidikan Peringkat Fakulti dengan kerjasama Jawatankuasa Penyelidikan Peringkat Pusat Universiti akan menganjurkan Bengkel Penulisan Laporan Penyelidikan 2002 bertempat di Awana Genting Highlands Golf & Country Resorts pada 14 hingga 16 Julai 2002 dengan akan disertai oleh semua pensyarah KUIM. Objektif diadakan bengkel tersebut adalah untuk meningkatkan keupayaan penyelidik KUIM dalam membuat laporan penyelidikan dan dengan melalui bantuan pakar-pakar yang berpengalaman, para penyelidik di KUIM akan dapat melihat gambaran yang jelas tentang prosedur dan garis panduan bagi menyediakan laporan penyelidikan yang bermutu.

MESYUARAT

- **5 Julai 2002** – Mesyuarat Fakulti Ekonomi dan Muamalat kali ke – 3 (Bilik Mesyuarat Fakulti, Tingkat 13)
 - Mesyuarat Antara KUIM Dengan Ketua Jabatan Kerajaan Negeri Sembilan (Hotel Hilton, Seremban)
- **9 Julai 2002** – Mesyuarat Persediaan Manual Tatatertib Pelajar (Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 15)
- **10 Julai 2002** – Mesyuarat Jawatankuasa Perpustakaan (Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 15)
- **12 Julai 2002** – Mesyuarat Bulan Kemerdekaan (Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 15)